

D713

U B230 BAH

MAHATHIR - MOGOK

(I)

KUALA LUMPUR, 29 SEPT. (BERNAMA) -- KERAJAAN BOLEH BERTINDAK TERHADAP CUEPACS JIKA TINDAKAN MOGOK YANG DICADANGKANNYA MENIMBULKAN HURU-HARA DAN MENYEBABKAN TERHENTINYA PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN PENTING, KATA PERDANA MENTERI DATUK SRI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

KATANYA, CUEPACS JUGA HARUS BERHATI-HATI SUPAYA TINDAKAN MOGOK YANG DICADANGKAN TIDAK MELANGGAR UNDANG-UNDANG.

BELIAU MEMBERITAHU PARA PEMBERITA SELEPAS PERHIMPUNAN AGUNG KHAS UMNO DI SINI, CADANGAN CUEPACS ITU AKAN MENJEJASKAN KESTABILAN EKONOMI NEGARA.

DATUK SRI DR MAHATHIR BERKATA, JIKA SESEBUAH KESATUAN KECIL MENGANCAM UNTUK MOGOK, MAKA KESANNYA HANYALAH KECIL TETAPI CUEPACS MEWAKILI HAMPPIR KESELURUHAN PERKHIDMATAN KERAJAAN.

KATANYA, SESETENGAH PIHAK TELAH PUN MEMPERSOALKAN KESTABILAN EKONOMI NEGARA INI. -- LAGI.

1909MST 29 09 85

MAHATHIR - MOGOK 2 KUALA LUMPUR

(I)

DATUK SRI DR MAHATHIR BAGAIMANAPUN BERKATA, KERAJAAN TIDAK BOLEH BERTINDAK CUEPACS JIKA ANGGOTA-ANGGOTANYA BERTINDAK MOGOK TANPA MELANGGAR UNDANG-UNDANG.

BELIAU BERKATA, JIKA CUEPACS MAHU MEROSAKKAN EKONOMI NEGARA +SELAGI MEREKA BERTINDAK MENGIKUT UNDANG-UNDANG, KITA TIDAK BOLEH BERBUAT APA-APA.+

+KEADAAN INILAH YANG AKAN MELUMPUHKAN KERAJAAN,+ TAMBAHNYA.

MENGENAI LAPORAN BAHAWA MAJLIS-MAJLIS BERSAMA KEBANGSAAN MENERIMA SURAT DARIPADANYA UNTUK BERUNDING, PERDANA MENTERI MENGULANGI BAHAWA KERAJAAN TIDAK AKAN MERUNDINGKAN ISU PELARASAN GAJI SEHINGGA CUEPACS MENARIK SEMUA UGUTANNYA.

MENGENAI SOKONGAN TERBUKA PAS KEPADA PENDIRIANNYA MENGENAI ISU ITU, DATUK SRI DR MAHATHIR BERKATA, MEMANGLAH BELIAU GEMBIRA DENGAN SOKONGAN ITU DAN BERKATA KESATUAN-KESATUAN SEKERJA JUGA PATUT MENYOKONG PENDIRIAN ITU.

-- LAGI.

1915MST 29 09 85

MAHATHIR - MOGOK 3 KUALA LUMPUR

(I)

MENGENAI DAKWAAN TIMBALAN PRESIDEN MTUC, ENCIK ZAINAL RAMPAK KONONNYA KERAJAAN SEBAGAI MAJIKAN YANG +BERSIKAP DINGIN+, PERDANA MENTERI BERKATA, DALAM KEADAAN EKONOMI SEKARANG, SESEORANG MAJIKAN YANG BERSIKAP DEMIKIAN AKAN MEMBERHENTIKAN PEKERJA-PEKERJA YANG DIANGGAP TIDAK DIPERLUKAN.

TETAPI KERAJAAN TIDAK BERBUAT DEMIKIAN, MALAH MEMBERIKAN SKIM TANGGA GAJI YANG LEBIH BAIK UNTUK GOLONGAN PEKERJA BERPENDAPATAN RENDAH, BERBANDING DARIPADA APA YANG DIPEROLEHI OLEH RAKAN MEREKA DALAM SEKTOR SWASTA, TAMBAHNYA. -- BERNAMA.

1916MST 29 09 85